

Tinjauan Terhadap Persepsi Peserta Kursus Pendek Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) Di Bawah Program Tahfiz Berkemahiran Bersama KK 2019, Kolej Komuniti Negeri Perak

Absah Md Yusof ,*, Alias Umar , Norashikin Mohd Zahir

Kolej Komuniti Taiping, Kementerian Pendidikan Malaysia.

ABSTRAK

Kolej Komuniti Perak telah melaksanakan kursus kemahiran Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat(PISH) melibatkan fasa pertama 2018, manakala fasa ke dua pada tahun 2019. Kajian ini dilakukan untuk meninjau persepsi peserta selepas mendapat kemahiran melalui Program Tahfiz Berkemahiran Bersama KK 2019. Responden terdiri daripada peserta yang terlibat di dalam Program ini. Soalan selidik diedarkan selepas peserta tamat menjalani kursus. Borang soal selidik adalah Borang Maklum Balas, Borang 9 yang dibangunkan oleh Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Data dianalisa dalam bentuk min, dipersembahkan dalam bentuk rajah. Hasil daripada analisa, dapati terdapat peserta yang tidak mempunyai kemahiran, tetapi selepas program ini, peserta telah mendapat meningkatkan kemahiran mereka. Pengkaji berharap semoga program ini dapat diteruskan bukan sahaja di Kolej Komuniti di Negeri Perak tetapi Kolej Komuniti seluruh Malaysia bagi memperkayakan bakat dan kemahiran kepada pelajar-pelajar tahfiz. Semoga dengan usaha murni ini, kemahiran yang diperolehi dapat membantu mereka di masa hadapan.

LATAR BELAKANG

Setiap manusia memerlukan ilmu ukhrawi dan ilmu duniawi untuk kehidupan. Kelangsungan hidup seseorang perlu memperkayakan bakat samada dalam bidang kemahiran atau pun bidang akademik. Seseorang umat manusia hendaklah mempelbagaikan ilmu pengetahuan supaya menghasilkan modal insan yang seimbang. Bagi merealisasikan hasrat murni ini, Kolej Komuniti telah diangkat sebagai Hab Pembelajaran Sepanjang Hayat(PSH) melalui Memorandum Menteri Pengajian Tinggi(No. 296/2456/2005) pada tahun 2005. Pelaksanaan PSH adalah melalui kursus-kursus jangka pendek yang diadakan kepada komuniti tanpa mengira usia dan pendidikan. Menurut Mohammad Hafeez Md Ramli, Ishak Mohamad dan Mohd Zainudin Mohd Esin (2016). Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) yang dilaksanakan di Kolej Komuniti adalah gabungan pendidikan agama dan pendidikan kemahiran. Kursus PISH memberi peluang kepada semua masyarakat untuk belajar. Melalui program PISH, Kolej Komuniti telah bekerjasama dengan pihak tahfiz di dalam memberi pendidikan TVET(Latihan Kemahiran Teknikal Dan Vokasional) yang merangkumi program berasas kemahiran, ini dimaklumkan oleh Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik (Bernama, 2019). Kolej Komuniti Negeri Perak mempunyai 13 buah Kolej Komuniti, menyahut pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat(PSH) melalui kursus di bawah Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat(PISH), di mana kerjasama telah diadakan di antara Kolej Komuniti Perak bersama Jabatan Agama Islam Perak dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Fasa pertama dikenali sebagai Program Satu Tahfiz Satu Kemahiran. Ianya dilaksanakan pada tahun 2018 dan program di bawah PISH ini diteruskan pada tahun 2019 dengan nama Program Tahfiz Bersama KK 2019. Bagi melaksanakan Program 1 Tahfiz 1 Kemahiran, setiap Kolej Komuniti di Perak melaksanakan


*Koresponden: absahkktaiping@gmail.com

Tinjauan Terhadap Persepsi Peserta Kursus Pendek Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) Di Bawah Program Tahfiz Berkemahiran Bersama KK 2019, Kolej Komuniti Negeri Perak

kursus pendek di bawah Program Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat(PISH) dengan memilih tahfiz yang berdekatan dengan Kolej Komuniti. Pelbagai kursus pendek telah dilaksanakan oleh 13 Kolej Komuniti yang terlibat, bermula tahun 2018 dan 2019 diteruskan kepada tahfiz yang berlainan. Mohammad Hafeez et al. (2016). Ilmu-ilmu kemahiran TVET diajar kepada semua lapisan masyarakat terutama golongan agamawan bagi mengukuh falsafah Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat.

	Fasa 1 (2015)	Fasa 2 (2016-2020)	Fasa 3 (2021-2025)
Strategi A Mempromoskan PSH	<ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan pelan bimbingan kerjaya untuk pekang PSH; Mewujudkan dan mengekalkan program kesedaran PSH melalui kempen dan jerauwara yang lebih giat; Mengukuhkan prasarana untuk pemasaran dan promosi; 	<ul style="list-style-type: none"> Mempergiat kerjasama dengan Kementerian dan agensi lain untuk mempromosikan PSH; Mempelopori pembentukan penyelarasan atau rangkaian negara untuk penyedia PSH sebagai platform perkongsian amalan terbaik; 	<ul style="list-style-type: none"> Meneruskan sokongan pertumbuhan komuniti pembelajaran; Terus mempromosi program kesedaran PSH dan manfaat dari program;
Strategi B Membudayakan PSH	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan dan memantapkan program inovatif bagi mendapatkan lebih banyak penyertaan; Menerapkan APEL untuk kursus jangka pendek dan kursus formal TVET; Mempelopori model peruntukan berasaskan keberhasilan program PSH; 	<ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan program baharu dan inovatif yang relevan untuk industri dan komuniti; Mengukuhkan mekanisme pendanaan menerusi pelbagai sumber oleh Kementerian atau agensi lain dan sektor swasta dan memberi insentif kepada sumbangan daripada GLC dan syarikat swasta; 	<ul style="list-style-type: none"> Terus memastikan penjarangan berliku di antara program PSH ditawarkan dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan rakyat Malaysia untuk berkembang maju di abad 21;
Strategi C Menambah baik kualiti	<ul style="list-style-type: none"> Menyedakan program PSH yang mempunyai permintaan tinggi di kalangan komuniti dan industri; Perumusan kredit yang standard bagi program PSH untuk membolehkan artikulasi; 	<ul style="list-style-type: none"> Merangka rangka kerja dasar negara untuk program PSH dalam KPM; Membentuk laluan jelas untuk penjurusan kemahiran dan teknikal untuk mobiliti yang lebih besar bagi pelajar, khasnya dalam bidang TVET; Mempergiat pelbagai cara penwaran PSH . 	<ul style="list-style-type: none"> Mengguna pakai sistem bank kredit pusat untuk program PSH; Memperoleh pengiktirafan oleh agensi awam dan swasta bagi program PSH untuk tujuan penggalangan .

Rajah 1. Strategi dan Inisiatif PSH.



Rajah 2. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.



Rajah 3. Pelan Induk Pembudayaan PSH Peringkat Nasional 2011-2020.

Penyataan Masalah Kajian

Pelaksanaan ini adalah dijalankan dengan peruntukan daripada Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk)dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak(MAIPk). Fasa pertama tahun 2018 sebanyak 13 kursus telah dilaksanakan. Bagi fasa ke dua dijalankan pada 2019 sebanyak 13 kursus dilaksanakan untuk 13 buah tahfiz. Tenaga pengajar dan fasiliti adalah daripada pihak Kolej Komuniti yang menganjurkan kursus. Bagi pelaksanaan program tiada sebarang yuran dikenakan. Nornazlina Mohd Nor, Wan Marina Wan Nowalid dan Roswani Abdul Rahman(2016) menyatakan Kolej Komuniti merupakan antara institusi pendidikan yang menyediakan fasiliti dan tenaga pengajar kepada komuniti. Adalah merugikan jika pelaksanaan kursus dijalankan, jika diakhir kursus peserta tidak mendapat hasil yang dikehendaki. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk pengkaji meninjau persepsi peserta terhadap pelaksanaan kursus, yang merangkumi isi kandungan kursus adakah mencapai objektif, mengetahui sejauhmana penerimaan peserta terhadap ilmu kemahiran yang mereka dapati sebelum berkursus dan selepas kursus dilaksanakan dari aspek keberkesanan kursus.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meninjau pesepsi peserta kursus Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat di bawah Program Tahfiz Bersama KK 2019, di mana pengkaji menggunakan pakai Borang Penilaian Kursus yang telah dibangunkan oleh pihak Jabatan Pengajian Kolej Komuniti(JPPKK). Borang ini diedarkan selepas peserta tamat berkursus.

Ianya merangkumi 3 bahagian iaitu Bahagian A Pelaksanaan Kursus iaitu pesepsi peserta terhadap penyampaian isi kandungan. Soalan yang ditanya adakah kursus mencapai objektif, cara penyampaian menarik, aspek kandungan kursus teratur, tempat kursus sesuai. Penyampaian jelas dan difahami, masa dan tempoh kursus mencukupi.

Bahagian B Keberkesanan Kursus. Pengukuran melibatkan pesepsi peserta terhadap pengetahuan mereka dalam bidang kursus sebelum dan selepas berkursus, kemahiran peserta sebelum dan selepas berkursus dalam bidang kursus, keyakinan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajar sebelum berkursus dan selepas berkursus, kursus yang dijalankan membantu meningkatkan kerjaya sebelum dan selepas berkursus, kursus dapat membantu peserta memulakan perniagaan, dan adakah kursus membantu mereka mengembangkan perniagaan. Bahagian C adalah cadangan atau komen daripada peserta.

KAJIAN LITERATUR

Pelajar yang belajar di Maahad adalah terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Kebanyakan pelajar tahfiz hanya diterapkan dengan ilmu ukhrawi, keseimbangan dengan ilmu duniawi bagi pelajar-pelajar tahfiz adalah kurang. Ada yang tidak langsung mempunyai ilmu kemahiran. Bagi menangani permasalahan ini kerjasama antara Kolej Komuniti Negeri Perak dengan tahfiz di Negeri Perak diharap dapat menghasilkan pelajar tahfiz yang celik dengan ilmu TVET. Keseimbangan antara ilmu dunia dan akhirat dihasil oleh pelaksanaan PISH dapat menghasilkan generasi pembangun negara. Shazwani Farhah, Noorul Akmal (2019), kursus pendek yang dijalankan bersama dengan maahad dapat memberi peluang kerjaya kerana pendedahan dan peningkatan nilai tambah dari aspek ilmu pengetahuan, dan keyakinan di dalam kemahiran yang pelajar pelajari. Kajian ini dilakukan bagi mengetahui sejauhmana persepsi peserta terhadap pelaksanaan kursus yang telah dijalankan, mengetahui sejauhmana penerimaan peserta terhadap ilmu kemahiran yang mereka dapati sebelum berkursus dan selepas kursus dilaksanakan dari aspek keberkesanan kursus. Menurut Ridzuan, Malarveli dan Nurul Farhana (2019) tranformasi pendidikan tahfiz melalui program TVET@Tahfiz bermodular adalah berkesan bagi melahirkan huffaz yang professional. Bagi merealisasikan ini, peserta yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar berumur 15 tahun ke atas. Bagi memastikan pelajar-pelajar ini mendapat ilmu kemahiran, semua kursus yang di jalankan adalah terdiri daripada kemahiran yang boleh digunakan untuk kehidupan seharian atau untuk kelangsungan hidup selepas mereka tamat di belajar di maahad. Yufiza Mohd Yusof, Rafidah Mohd Basir, Saleha Abd Azis, Zamaruzaman Mohamad(2016), menyatakan bahawa kolaborasi antara pihak Kolej Komuniti dengan pihak luar(institusi keagamaan) telah berjaya memberi ilmu kemahiran kepada pelajar tahfiz dengan kursus yang dilaksanakan.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan secara kuantitatif dengan kaedah tinjauan. Di mana borang soal selidik diedarkan kepada responden yang terdiri peserta kursus seramai 308 orang merangkumi 13 maahad tahfiz. Rujuk Jadual 1. Data dianalisis menggunakan Microsoft Excel bagi mendapatkan purata (skor Mean) untuk memberi petunjuk kepada hasil kajian. Manakala pentaksiran dapatan hasil kajian menggunakan Rajah 5 iaitu Jadual Skor Min Pentaksiran.

SOAL SELIDIK KAJIAN

Bagi meninjau persepsi peserta kursus, pengkaji menggunakan borang selidik yang disediakan oleh Unit Pelaksanaan PSH, BKIK JPPKK bagi kajian ini . Borang soalan selidik ini mempunyai tiga bahagian. Iaitu Bahagian A.Pelaksanaan Kursus. Bahagian ini, peserta melihat aspek pelaksanaan kursus manakala Bahagian B. Keberkesanan Kursus meliputi sebelum kursus dan selepas berkursus. Dan Bahagian C adalah ruangan cadangan atau komen. Gred pemerhatian peserta meliputi skala 1-Lemah, skala 2 – sederhana. Skala 3 – Baik. Skala 4 - Amat baik.

Berikut adalah item-item yang terdapat di dalam **Borang 9: Borang Penilaian Kursus**.

A. Pelaksanaan Kursus

Bil	Perkara	1	2	3	4
1	Penyampaian isi kandungan mencapai objektif				
2	Cara penyampaian menarik				
3	Kandungan kursus teratur				
4	Tempat berkursus sesuai				

5	Penyampaian jelas dan difahami				
6	Masa dan tempoh kursus mencukupi				

B. Keberkesanan Kursus

Bil	Perkara	Sebelum				Selepas			
		1	2	3	4	1	2	3	4
1	Pengetahuan dalam bidang kursus								
2	Kemahiran dalam bidang kursus								
3	Yakin menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari								
4	Membantu meningkatkan kerjaya								
5	Membantu memulakan perniagaan								
6	Membantu mengembangkan perniagaan								

C. Cadangan/Komen

SAMPEL KAJIAN

Responden seramai 308 peserta, terdiri daripada 13 tahfiz yang telah menjalankan kerjasama dengan Kolej Komuniti Negeri Perak. Borang soalan selidik diedarkan kepada peserta yang terlibat di dalam Program Tahfiz Bersama KK 2019.

Jadual 1 Senarai Kolej Komuniti & Peserta Kursus Yang Terlibat Bagi Program Tahfiz Berkemahiran Bersama KK 2019

Bil	Kolej Komuniti	Nama Tahfiz Berkemahiran Bersama Kk 2019	Bil Peserta
1	Kolej Komuniti Gerik	Darul Tahfiz Gerik	11
2	Kolej Komuniti Manjung	Maahad Tahfiz Al-Quran Assanaa'	20
3	Kolej Komuniti RTC Gopeng	Maahad Tahfiz Al-Quran Wat-Tarbiyah Nurul Jannah .Akademi Darul Quran Darul Huffaz Pusat Bimbingan Ummah	15
4	Kolej Komuniti Bt Gajah	Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Addin, Parit	30
5	Kolej Komuniti Sg Siput	Maahad Tahfiz Al-Quran Liddakwah Wallmamah	30
6	Kolej Komuniti Teluk Intan	Maahad Tahfiz Al Munir	27
7	Kolej Komuniti Tapah	Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Addin 08, Kampar	48
8	Kolej Komuniti Pasir Salak	Maahad Tahfiz Kg Seri Kaya, Bota Kiri	20
9	Kolej Komuniti Bagan Serai	Maahad Tahfiz Tarbiah Ummah	25
10	Kolej Komuniti Bagan Datuk	Maahad Tahfiz Annur Lilbanat	22
11	Kolej Komuniti Kuala Kangsar	Maahad Tahfiz Al-Quran Wa Qiraat Addin 06	20
12	Kolej Komuniti Chenderoh	Dar Tahfiz Al-Quran Wal Hadith, Padang Rengas	20
13	Kolej Komuniti Taiping	MaahadTahfiz Amal Nur Qaseh	20

DAPATAN KAJIAN

Berikut merupakan skor Min yang digunakan untuk menterjemahkan daripada dapatan data Min.

Jadual 2 Jadual Skor Min Pentaksiran

Julat Skor Min	Aras Persetujuan	Penilaian Min
1.00 – 2.00	Tidak Setuju	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Setuju	Sederhana
3.01 – 4.00	Setuju	Tinggi

PERBINCANGAN KAJIAN

Jadual 3 Dapatan data bagi item A. Pelaksanaan Kursus:

Bil	Peserta Kursus di Kolej Komuniti	Skor MEAN	Penilaian Min
1	Kolej Komuniti Gerik -Kursus Asas Fertigasi	4.00	Tinggi
2	Kolej Komuniti Manjung -Kursus Sulaman Reben	3.82	Tinggi
3	Kolej Komuniti RTC Gopeng -Kursus Pembuatan Hasil laut	3.40	Tinggi
4	Kolej Komuniti Bt Gajah -Kursus Adobe Photoshop	3.51	Tinggi
5	Kolej Komuniti Sg Siput -Penghasilan Mee Kuning	3.10	Tinggi
6	Kolej Komuniti Teluk Intan -kursus Photoshope dan Heat Press	3.28	Tinggi
7	Kolej Komuniti Tapah -Kursus Semen Ferro	3.19	Tinggi
8	Kolej Komuniti Pasir Salak -Kursus Microsoft Word & Excell	3.00	Sederhana
9	Kolej Komuniti Bagan Serai -Kursus Asas Guntingan Rambut	3.62	Tinggi
10	Kolej Komuniti Bagan Datuk - Kursus Keusahawanan/Seni Kreatif	3.73	Tinggi
11	Kolej Komuniti Kuala Kangsar -Kursus Asas Penghasilan Roti	3.59	Tinggi
12	Kolej Komuniti Chenderoh -Kursus pembuatan Kek Asas	3.65	Tinggi
13	Kolej Komuniti Taiping -Kursus Aneka Roti	3.12	Tinggi

Daripada dapatan data di atas, menunjukkan purata penilaian oleh peserta bagi setiap Kolej Komuniti mendapat penilaian tinggi(Min), iaitu setuju, kecuali Kolej Komuniti Pasir Salak mendapat tahap sederhana. Ini menunjukkan Penyampaian isi kandungan mencapai objektif, Cara penyampaian menarik, Kandungan kursus teratur, Tempat berkursus sesuai, Penyampaian jelas dan difahami dan Masa dan tempoh kursus mencukupi.

Menurut *Hazwani Hasami & Nor Aishah Buang (2018)*, walaupun terdapat perbezaan aspek pengetahuan dikalangan peserta yang menghadiri kursus, setiap Kolej komuniti hendaklah meneruskan program ini supaya pelajar dapat menambahkan pengetahuan di dalam diri mereka.

Jadual 4 Dapatan data bagi item B. Keberkesanan Kursus adalah seperti berikut:

Bil	Peserta Kursus di Kolej Komuniti	Skor Min		Skor Min	
		Sebelum kursus	Penilaian min	Selepas Kursus	Penilaian min
1	Kolej Komuniti Gerik	3.36	Tinggi	3.82	Tinggi
2	Kolej Komuniti Manjung	1.53	Rendah	3.26	Tinggi
3	Kolej Komuniti RTC Gopeng	2.38	Sederhana	3.21	Tinggi
4	Kolej Komuniti Bt Gajah	1.55	Rendah	2.98	Sederhana
5	Kolej Komuniti Sg Siput	1.81	Rendah	3.08	Tinggi
6	Kolej Komuniti Teluk Intan	1.62	Rendah	3.18	Tinggi
7	Kolej Komuniti Tapah	2.59	Sederhana	3.19	Tinggi
8	Kolej Komuniti Pasir Salak	1.50	Rendah	3.00	Sederhana
9	Kolej Komuniti Bagan Serai	1.14	Rendah	3.44	Tinggi
10	Kolej Komuniti Bagan Datuk	1.83	Rendah	3.39	Tinggi
11	Kolej Komuniti Kuala Kangsar	1.45	Rendah	2.59	Sederhana
12	Kolej Komuniti Chenderoh	2.07	Sederhana	3.48	Tinggi
13	Kolej Komuniti Taiping	1.48	Rendah	3.63	Tinggi

Bagi penilaian Keberkesanan Kursus, terdapat perbezaan persepsi peserta dari aspek pengetahuan dalam bidang dimana kebanyakan peserta adalah lemah di dalam kursus yang mereka sertai berbanding selepas mereka mengikuti kursus. Begitu juga dengan kemahiran dalam bidang kursus yang terlibat. Selepas peserta mengikuti program ini keyakinan mereka terhadap pengetahuan dan kemahiran semakin bertambah. Begitu juga aspek kerjaya. Mereka berharap dengan pengetahuan yang mereka dapat sepanjang berkursus dapat membantu mereka menjana pendapatan dimasa hadapan. Tetapi bagi aspek keusahawanan kebanyakan peserta adalah berminat untuk memulakan perniagaan dengan kemahiran yang dipelajari dan membantu mengembangkan perniagaan. Impak selepas pelaksanaan kursus, peserta lebih berkeyakinan dan mendapat kemahiran baru untuk diri mereka.

KESIMPULAN

Daripada data menunjukkan bahawa Program Kemahiran Tahfiz Bersama KK 2019 Negeri Perak, telah berjaya menerapkan ilmu kemahiran kepada pelajar tahfiz walaupun terdapat pelajar yang sebelum berkursus tidak mempunyai asas kemahiran. Ini kerana sebelum program dijalankan, rutin kehidupan mereka hanya meliputi aspek hafazan al-quran sahaja. Kriteria A Pelaksanaan Kursus, peserta setuju bahawa pelaksanaan program dilaksanakan dengan baik sekali. Aspek B Keberkesanan Kursus kebanyakan peserta setuju untuk menggunakan kemahiran daripada program ini untuk digunakan di masa hadapan. Mengikut Fasa Pelaksanaan Program PISH iaitu Fasa 2 (2016-2020) iaitu memperkayakan bakat insan telah tercapai bagi pelaksanaan Negeri Perak melalui Program Kemahiran Tahfiz Bersama KK 2019

yang melibatkan 13 Kolej Komuniti. *Mohammad Hafeez et al.* (2017). Kolej Komuniti merupakan salah satu institusi yang menyediakan kursus kepada komuniti dan institusi pendidikan agama di dalam menyediakan latihan kemahiran. Semoga dengan pelaksanaan Program Kemahiran Tahfiz Bersama KK 2019 Negeri Perak ini dapat membantu pelajar-pelajar di institusi agama dapat menambahkan ilmu kemahiran TVET untuk kegunaan semasa di maahad atau selepas tamat belajar.

RUJUKAN

- Bernama.(2019). PSH Berjaya Dapat Penyertaan Golongan Sasar. [online]{diakses 25 Ogos 2019}. Available at: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/psh-berjaya-dapat-penyertaan-golongan-sasar-204588>
- Hasami, H., and Buang, N.A., (2018), Keberkesanan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Terhadap Pengetahuan Dan Tahap Kemahiran Pelajar Kolej Komuniti (The Effectiveness of the Lifelong. *Jurnal Pendidikan Malaysia SI 1(1)* (2018): 89-106 DOI: Available at: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.03-10> Learning Programme (PSH) Towards Knowledge and Skill Levels of Students Community College).
- Jabatan Pengajian Kolej Komuniti(2012). *Pemeriksaan Kolej Komuniti 2013-2015*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Available at: <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/buletin/1181-pemeriksaan-kolej-komuniti-2013-2015/file>
- Kementerian Pengajian Tinggi(2011). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Fasa 2(2011-2015)*
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025*[online]. Available at: <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/pppm-2015-2025-pt/1380-2-ringkasan-eksekutif-pppm-2015-2025/file>
- Khalid, R., Kandasamy, M. and Mokhtar, N. F (2019). Kajian persepsi Tahap Keberkesanan Program Latihan teknikal dan Vokasional(TVET@Tahfiz) Bermodular di Kalangan Pelajar Tahfiz. *eProsiding Seminar pembelajaran Sepanjang Hayat 2019*.
- Mohd Esin, M.Z., Mansor, N., and Mustafa Kamal, M.S., (2014). Pendidikan Islam Sepanjang Hayat(PISH), "Membina Hubungan dan Merapatkan Ukhuwah". *Seminar Kebangsaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2014*.
- Mohaffyza, M & Che Razali, C.M., (2012), KEPERLUAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT BAGI TENAGA PENGAJAR DI INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN DI MALAYSIA, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA. [online] Available at: <http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/2851/1/613-623.pdf>
- Mohd Nor, N., Wan Norwalid, W.M and Abdul Rahman, R., (2016). PROGRAM PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT (PISH): MEMPERKASAKAN UMMAH DAN EKONOMI NEGARA. [online] Umceed.edu.my. Available at: https://umccd.edu.my/psh2016/web_paper/2.4.4.pdf
- Md Ramli, M.H., Salleh, M.A. and Abdul Jamai, M. (2017). *Pembudayaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat(PISH) Di Kolej Komuniti Dalam Pelaksanaannya di Institusi Pendidikan Agama*. *Prosiding Seminar kebangsaan Tamdadun dan Warisan Islam(TAWIS) 2017 Tamadun dan peradaban islam: Merekayasa Kreativiti dan Inovasi*.
- Mohd Yusof, Y., Mohd Basir, R. and Mohamad, Z. (2016). *PELAKSANAAN PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT DI KOLEJ KOMUNITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA*. [online] Umceed.edu.my. Available at: https://umccd.edu.my/psh2016/web_paper/2.4.1.pdf
- Md Ramli, M.H., Mohamad, I. and Mohd Esin, M.Z. (2016). *IMPAK PELAKSANAAN PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT DI KOLEJ KOMUNITI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BAGI FASA PERTAMA 2014-2015*. [online] Umceed.edu.my. Available https://umccd.edu.my/psh2016/web_paper/2.4.5.pdf

- Othman, K., Abd Ghani, Z., Ishak, M., Othman, S.R., Ismail, N.A. (2017). PEMBELAJARAN ISLAM SEPANJANG HAYAT(PISH): KE ARAH MELAHIRKAN GENERASI SEIMBANG UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA. *Journal Of Islamic Social Sciences And Humanities*, 12(107-119)
- Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, [online] Available at: <http://www.moe.gov.my>
- Portal Nasional Pembelajaran Sepanjang [online] Available at: <https://www.moe.gov.my/psh>
- Shamsuddin, S.F., & Kamarul Zaman, N.A., (2019). Kajian Tahap Keberkesanan Program 1Tahfiz 1 Kemahiran Di Maahad Tahfiz Addin Perak Menggunakan Borang Penilaian Kursus Pendek.eProsiding Seminar pembelajaran Sepanjang Hayat 2019.
- Wan Ahmad, W.R., Mohd Hashim, M.H., & Razzaq, A.R., (2010). Pelaksanaan Program Pendidikan Sepanjang Hayat Di Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. [online]. Available at: <http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/3233/1/995.pdf>

